

# CADANGAN JAWAPAN UJIAN LISAN BERTUTUR 2018

## TEMA: KESIHATAN

### Diabetes

#### 1 Punca-punca Diabetes

- Berat badan yang berlebihan
- Mengambil makanan yang mempunyai kandungan gula dan lemak yang tinggi
- Faktor keturunan
- Ketidakseimbangan hormon di dalam badan
- Peningkatan usia
- Gaya hidup yang tidak sihat
- Kurang melakukan aktiviti senaman

#### 2 Tanda-tanda Menghidap Diabetes

- Kerap berasa dahaga
- Kerap kencing pada waktu malam
- Berat badan menurun dengan drastik
- Jarak penglihatan menurun
- Sering berasa kebas pada kaki dan tangan
- Luka yang lambat sembuh

#### 3 Cara-cara Mengawal Diabetes

- Memperbaiky pengambilan makanan yang berserat
- Melakukan aktiviti senaman secara berkala
- Menghindari pengambilan makanan yang manis
- Mengawal berat badan
- Mengelakkan pengambilan makanan yang berlemak

### Keracunan Makanan

#### 1 Punca-punca Keracunan Makanan

- Penyediaan makanan yang tidak bersih
- Penyediaan makanan oleh mereka yang menghidap atau menjadi pembawa penyakit yang tersebar melalui makanan
- Makanan yang tidak dimasak dengan sempurna
- Bahan mentah disimpan bersama dengan makanan yang telah dimasak
- Makanan yang telah sejuk tetapi tidak dipanaskan dengan sempurna apabila ingin dimakan
- Bahan mentah seperti daging yang telah dibekukan tetapi tidak dinyahbekukan dengan sempurna sebelum dimasak
- Makan makanan lebihan yang telah disimpan semalam secara terus tanpa memanaskannya dengan sempurna

#### 2 Cara-cara untuk Mengelakkan Keracunan Makanan

- Membersih tangan selepas menggunakan tandas
- Mencuci tangan dengan betul sebelum menyentuh makanan
- Memastikan kawasan dapur bebas daripada serangga
- Mengasingkan bahan mentah seperti daging, ayam dan makanan laut yang mentah daripada bahan lain yang telah dimasak
- Menggunakan peralatan seperti pisau dan papan pemotong yang berbeza untuk menyediakan makanan yang belum dimasak
- Menyimpan bahan makanan yang mentah dan makanan yang telah dimasak di dalam bekas yang berbeza untuk mengelakkan berlakunya pencemaran silang
- Memasak makanan dengan sempurna, terutama sekali daging, ayam, telur, dan makanan laut
- Menyimpan makanan pada suhu yang betul pada setiap masa
- Minum air yang telah dimasak atau air minuman yang dibotolkan
- Sentiasa memilih kedai atau gerai makan yang bersih jika ingin makan di luar
- Mengelakkan daripada memilih untuk makan di gerai atau di kedai makan yang tidak bersih penyediaan makanannya

#### 3 Perkara-perkara yang Perlu Dilakukan Jika Mengalami Keracunan Makanan

- Menyimpan makanan yang disyaki telah tercemar itu untuk siasatan pihak Jabatan Kesihatan

- Memastikan tiada orang lain yang makan makanan tersebut
- Bersegera ke klinik atau ke hospital untuk mendapatkan rawatan
- Memaklumkan kepada Pejabat Kesihatan Daerah yang terdekat dengan segera

### Produk Kesihatan

#### 1 Panduan Penting dalam Memilih Produk Kesihatan

- Meneliti kandungan yang terdapat pada label produk
- Membaca fungsi produk
- Membaca panduan penggunaan produk
- Memastikan produk tersebut diyakini pengguna
- Memastikan produk tersebut mendapat kelulusan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)

#### 2 Kebaikan Pengambilan Produk Kesihatan

- Membantu menjayakan kempen makan secara sihat
- Membantu meningkatkan tahap kecerdasan diri
- Meningkatkan imuniti badan dan sekali gus dapat meningkatkan daya tahan melawan penyakit
- Membantu mencegah pelbagai penyakit kronik seperti diabetes, darah tinggi, dan kanser

#### 3 Keburukan Pengambilan Produk Kesihatan Secara Tidak Terkawal

- Dapat menyebabkan penyakit seperti diabetes, kanser, dan sakit jantung
- Hormon akan menjadi kurang stabil akibat pemilihan makanan kesihatan yang tidak tepat
- Menyebabkan kerosakan organ dalaman
- Mendorong kesan sampingan kepada pengguna akibat pengambilan produk atau makanan tambahan seperti pil-pil vitamin, kolagen, dan pil pelangsing
- Dapat menyebabkan masyarakat menjadi pasif untuk melakukan senaman kerana lebih bergantung kepada pengambilan produk kesihatan untuk meningkatkan tenaga.
- Dapat meningkatkan kecenderungan untuk mendapat obesiti

## TEMA: KEMANUSIAAN

### Bantuan Kemanusiaan

#### 1 Definisi

- Tindakan yang diambil bagi meringankan penderitaan akibat bencana alam seperti banjir, kebakaran hutan, ribut taufan, gempa bumi, tsunami, dan kemarau
- Tindakan yang diambil bagi meringankan penderitaan akibat daripada bencana buatan manusia seperti perpeperangan dan akibat perpindahan populasi serta pergerakan pelarian

#### 2 Jenis-jenis Bantuan yang Diberikan

- Melalui kutipan derma berbentuk wang ringgit, ubat-ubatan, pakaian, dan makanan
- Menganggotai pasukan mencari dan menyelamat bencana
- Menjadi sukarelawan sama ada secara persendirian atau mendaftarkan diri dalam mana-mana pertubuhan
- Memberikan bantuan kepakaran di kawasan yang terjejas teruk oleh bencana
- Mendoakan kesejahteraan mangsa-mangsa yang ditimpa musibah tersebut

#### 3 Kebaikan Bantuan yang dihulurkan

- Dapat mengurangkan beban yang ditanggung mangsa
- Dapat membantu menguatkan emosi mangsa bencana
- Dapat membantu masyarakat di kawasan yang terjejas teruk untuk segera meneruskan kehidupan

### Masyarakat Bertoleransi

#### 1 Definisi

- Masyarakat yang sanggup untuk bertolak ansur, sabar, dan mengawal diri bagi mengelakkan berlakunya pertelingkahan dan perselisihan faham demi kesejahteraan hidup

## **2 Kepentingan Toleransi dalam Kehidupan Bermasyarakat, Berbangsa, dan Bernegara**

- Terhindar daripada berlakunya perpecahan
- Meningkatkan rasa persaudaraan
- Meningkatkan kekuatan dalam diri
- Meningkatkan rasa nasionalisme
- Meningkatkan permuafakatan
- Melunturkan keegoan diri
- Mempermudah pembangunan negara ke arah negara maju

## **3 Kebaikan-kebaikan Amalan Toleransi**

- Rakyat Malaysia akan menikmati kehidupan yang aman, damai, dan harmoni
- Keadaan politik dalam negara akan lebih stabil
- Pertumbuhan ekonomi yang mantap
- Negara berjaya menjadi tuan rumah pelbagai acara antarabangsa seperti Sukan Komanwel

## **4 Cara-cara Menunjukkan Toleransi dalam Masyarakat**

- Menyediakan makanan yang boleh dimakan oleh semua kaum dalam sesuatu majlis
- Memakai pakaian yang sopan dan kemas semasa menghadiri sesuatu majlis
- Tidak mempersendakan pakaian tradisional kaum lain
- Tidak menghina atau merendah-rendahkan kepercayaan kaum lain
- Menghormati hak setiap kaum untuk mengamalkan kepercayaan masing-masing

## **Penderaan Warga Tua**

### **1 Definisi**

- Perlakuan tidak wajar dalam bentuk fizikal, psikologikal, emosi, sosial, kewangan atau lain-lain perbuatan buruk yang dilakukan oleh individu yang mempunyai pertalian hubungan dengan warga emas tersebut
- Penderaan boleh berlaku sama ada sekali atau berulang kali

### **2 Jenis-jenis Penderaan Terhadap Warga Tua**

- Melakukan penderaan fizikal, iaitu sengaja melakukan perlakuan seperti menampar, memukul, mendatangkan luka, kesan bakar, lecur, mengikat, tidak memberi makan dan mengabaikan kebersihan badan
- Melakukan penyelewengan kewangan, iaitu termasuklah perbuatan mencuri, menipu, dan menggunakan wang tanpa kebenaran warga emas seperti wang pencen, wang kebajikan dan sebagainya
- Melakukan penderaan psikologikal atau emosi dengan memarahi, memaki hamun, mengejek, mengugut dan tidak menghormati mereka
- Melakukan penderaan sosial, iaitu menafikan peluang dan hak mereka untuk berjumpa atau bergaul dengan orang lain, tidak membenarkan mereka mengambil bahagian dalam sebarang aktiviti sosial, gagal memberi penjagaan kesihatan atau kebajikan atau tidak memberi mereka ruang privasi
- Memberikan ubat tanpa preskripsi daripada doktor atau tidak memberikan ubat yang sepatutnya dengan harapan warga tua tersebut tidak perlu dijaga lagi sebaliknya dipindahkan ke hospital

### **3 Faktor-faktor Warga Tua Didera**

- Terlalu bergantung kepada orang lain bagi menjalani kehidupan harian
- Masalah di dalam komunikasi
- Berkelakuan degil dan agresif
- Rasa curiga dan enggan dibantu
- Gangguan daya ingatan
- Mengalami kecacatan anggota dan tidak dapat bergerak

### **4 Punca-punca Seseorang Cenderung Mendera Warga Tua**

- Kurangnya pengetahuan dan kemahiran dalam menjaga warga tua yang akhirnya meningkatkan tekanan dalam kalangan pendera
- Tiada pilihan selain terpaksa menjaga warga tua
- Tiada sokongan daripada ahli keluarga yang lain
- Bebanan kewangan untuk menjaga dan menampung keperluan warga tua
- Pengalaman lampau yang negatif semasa bersama warga tua
- Pendera itu pernah melalui pengalaman didera semasa kecil

## **TEMA: SAHSIAH**

### **Amalan Berbudi Bahasa**

#### **1 Definisi**

- Setiap gerak laku, tutur kata, tata hidup, pemikiran, dan perasaan baik terhadap orang lain
- Budi didefinisikan sebagai akal, kebijaksanaan atau sifat baik, perbuatan baik dan kebajikan menurut kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) edisi ketiga cetakan keenam 2002
- Menurut masyarakat Melayu, perkataan budi itu membawa pelbagai maksud. Antaranya termasuklah jasa dan sumbangan yang diberikan kepada individu yang lain. Lazimnya, orang yang menabur budi tidak mengharapkan balasan. Budi atau sumbangan itu baik dari segi tenaga atau material, mestilah diberikan dengan ikhlas jika ingin diberkati Tuhan. Orang yang menerima budi pula tidak dituntut untuk membala budi yang diterima. Cukup sekadar budi diterima dengan penuh ikhlas dan kesyukuran.

#### **2 Contoh-contoh Amalan Berbudi Bahasa yang Sering Diamalkan oleh Masyarakat Malaysia**

- Sentiasa mengucapkan terima kasih
- Sentiasa memberikan senyuman
- Menjalani kehidupan yang harmoni dalam masyarakat yang berbilang bangsa
- Sentiasa mengamalkan sikap tolong-menolong

#### **3 Kebaikan Amalan Berbudi Bahasa**

- Dapat mencerminkan keperibadian individu kerana orang yang berbudi bahasa akan mudah didampingi dan disenangi oleh orang lain
- Dapat mewujudkan perpaduan dalam kalangan masyarakat yang berbilang bangsa dan agama kerana masyarakat yang berbudi bahasa akan saling menghormati tanpa mengenal usia dan kedudukan
- Dapat memajukan industri pelancongan negara kerana masyarakat tempatan yang berbudi bahasa akan memberikan layanan yang mesra dan sopan kepada pelancong asing

#### **4 Kepentingan Amalan Berbudi Bahasa untuk Meningkatkan Imej Negara**

- Masyarakat yang berbudi bahasa akan memamerkan nilai-nilai yang positif seperti memberikan layanan yang sopan dan mesra terhadap pelancong asing
- Pelancong akan mempunyai percutian yang menyeronokkan juga kerana berasaskan kedatangan mereka ke sini dialukan dan dihargai oleh masyarakat tempatan
- Pelancong asing akan tertarik oleh sikap para petugas dalam Jabatan Kastam dan Imigresen, pemandu pelancong serta pemandu pengangkutan awam yang sentiasa bersikap ramah dan bertutur dengan nada yang sopan

## **Bersopan Santun di Jalan Raya**

### **1 Perkara-perkara yang Menunjukkan Kesantunan yang Tinggi di Jalan Raya**

- Memandu di lorong yang sesuai dan telah ditetapkan
- Menggunakan lorong yang paling kanan jika ingin memotong kenderaan lain
- Mematuhi tanda jalan yang disediakan oleh pihak berkuasa pada setiap masa
- Memberikan laluan pada kenderaan lain yang ingin memotong
- Segera ke tepi apabila mendengar bunyi siren ambulans, bomba atau polis
- Bersikap prihatin dengan sentiasa peka terhadap keadaan sekeliling ketika memandu
- Memberikan isyarat dengan menggunakan lampu isyarat kiri dan kanan sebelum membelok, sebelum menukar laluan untuk memotong, ketika memperlakuan kenderaan untuk berhenti di kaki jalan dan ketika memberikan laluan kepada kenderaan lain untuk memotong kenderaan kita
- Mengucapkan terima kasih dengan mengangkat tangan atau menunjukkan isyarat ‘bagus’ kepada pemandu lain yang memberikan laluan kepada kita
- Mengucapkan terima kasih dengan cara membunyikan ‘hon kecil’ jika isyarat tangan tidak dapat dilakukan
- Memastikan isyarat lampu kecemasan dinyalakan sekiranya

berlakunya kerosakan pada kenderaan kita

- Meletakkan tanda segi tiga beberapa meter di belakang kenderaan bagi memberitahu pemandu-pemandu lain akan situasi kita supaya mereka dapat berwaspada dan bersedia menukar laluau

## 2 Langkah-langkah Mendidik Pengguna Jalan Raya

- Melalui pelaksanaan pelbagai jenis kempen keselamatan termasuklah kempen yang menggunakan slogan "Kemalangan Sifar"
- Dendaan melalui saman yang dikeluarkan serta penggantungan lesen memandu untuk mengurangkan jumlah pemandu yang hilang kesesuaian di jalan raya
- Memastikan operasi seperti Operasi "Ops Pacak" yang dijalankan ketika musim perayaan dilakukan secara berterusan
- Operasi sekatan jalan raya yang perlu dilakukan secara berterusan

## 3 Peribahasa untuk Menggambarkan Sikap Bersopan Santun di Jalan Raya

- Biar lambat asalkan selamat
- Memandu cermat, jiwa selamat

### Amalan Menabung

#### 1 Tip Pantas untuk Mengamalkan Budaya Menabung

- Membeli tabung yang kukuh
- Meletakkan tabung di tempat yang selamat
- Menanamkan sikap gemar menabung
- Memastikan diri menyimpan wang setiap hari
- Mengenal pasti punca tabungan anda
- Berdisiplin dalam menabung

#### 2 Cara-cara untuk Berjaya Menabung Secara Berkesan Setiap Bulan

- Membuat belanjawan
- Menetapkan sasaran menabung yang realistik
- Mengawasi pengeluaran wang
- Menyenaraikan barang yang ingin dibeli sebelum keluar membeli-belah
- Mengurangkan penggunaan kad kredit

#### 3 Cara-cara Menggalakkan Amalan Menabung

- Mengadakan kempen kesedaran yang efektif menggunakan kecanggihan media massa untuk mencapai tahap keberkesanan yang sebaik mungkin
- Ibu bapa memainkan peranan sebagai pembentuk yang sejati dengan memberikan teladan yang sewajarnya
- Pihak bank menawarkan pelbagai pakej simpanan yang menarik dan memberikan pulangan pelaburan jangka panjang yang banyak
- Pihak sekolah menghulurkan bantuan dengan mewujudkan Kelab Menabung di sekolah

#### 4 Peranan Ibu Bapa dalam Memupuk Amalan Menabung

- Mengamalkan gaya hidup sederhana serta tidak menunjukkan-nunjuk
- Membuka akaun bank untuk anak-anak sejak kecil lagi
- Menjadikan amalan menabung sebagai budaya keluarga dengan mengajar anak-anak menyimpan sedikit wang belanja harian sekolah setiap hari

### TEMA: SUKAN

#### Sukan Sebagai Kerjaya

##### 1 Jenis-jenis Kerjaya Sukan

- Guru Pendidikan Jasmani dan Kesihatan
- Jurulatih kecerdasan
- Pegawai sukan
- Pakar perubatan
- Pakar fisioterapi
- Pengurus pasukan sukan
- Pensyarah Sains Sukan

##### 2 Cara-cara untuk Memantapkan Sukan Sebagai Kerjaya

- Anak-anak dibimbing dalam bidang sukan yang diminati sejak kecil
- Ibu bapa yang berkemampuan digalakkan untuk menyediakan peralatan sukan sendiri
- ibu bapa yang kurang berkemampuan meminta bantuan badan-badan sukan tertentu umpamanya jawatan kuasa sukan sekolah atau daerah

- Minda ibu bapa perlu terbuka dan tidak mengharapkan kejayaan akademik semata-mata

- Ibu bapa memberikan perangsang kepada anak-anak semasa melakukan aktiviti atau terlibat dalam pertandingan sukan

### Kepentingan Sukan

#### 1 Individu

- Dapat memberikan kepuasan kepada diri sendiri
- Menjadikan kehidupan lebih bermatlamat
- Kesihatan akan lebih terpelihara

#### 2 Masyarakat

- Memupuk perpaduan
- Memupuk sikap kebersamaan ketika menjalankan aktiviti sukan

#### 3 Negara

- Menjana pertumbuhan ekonomi negara melalui penganjuran pelbagai acara atau pertandingan sukan

### Sukan Pilihan Anda

#### 1 Jenis Sukan

- Badminton

#### 2 Cara-cara dimainkan

- Dimainkan oleh dua orang permain secara bertentangan (perseorangan) ataupun dua pasangan secara bertentangan (beregu)
- Sesuai dimainkan pada waktu petang atau malam
- Boleh dimainkan di gelanggang badminton yang disediakan di taman permainan mahupun menyewa gelanggang badminton

#### 3 Sebab-sebab Memilih Sukan Badminton

- Dapat menyihatkan badan saya
- Dapat meningkatkan kecekapan dan ketangkasan pergerakan saya
- Dapat merapatkan hubungan antara ahli keluarga dan rakan-rakan
- Dapat melatih diri untuk menggunakan masa dengan bijak

### TEMA: KESELAMATAN

#### Keselamatan Kanak-kanak

##### 1 Cara-cara untuk Memastikan Keselamatan Kanak-kanak

- Ibu bapa harus sentiasa memastikan bahawa anak-anak mereka yang masih kecil tidak terlepas daripada pemantauan mereka ketika berada di tempat awam
- Pihak pengamal media haruslah bersikap proaktif dalam menyiaran rencana atau rancangan yang berkaitan keselamatan kanak-kanak supaya masyarakat kita, khasnya pengusaha tabika dan ibu bapa mengambil tindakan yang drastik untuk mengelakkan anak mereka menjadi mangsa jenayah penculikan
- Maklumat yang dihebahkan di media massa akan dapat memancing perhatian dan kerjasama daripada masyarakat untuk sama-sama menghulurkan bantuan bagi menyelamatkan kanak-kanak yang hilang atau yang diculik
- Penguatkuasaan undang-undang yang lebih ketat, iaitu mengenakan hukuman yang setimpal berupaya untuk memberikan peringatan kepada mereka yang berniat jahat terhadap kanak-kanak

##### 2 Kegagalan Ibu bapa atau Penjaga dalam Menjaga Keselamatan Anak-anak

- Kegagalan dalam menyediakan kemudahan perubatan atau dengan sengaja berlengah-lengah untuk mendapatkan rawatan kanak-kanak di bawah jagaan mereka
- Kegagalan untuk memastikan bahawa kanak-kanak di bawah jagaan mereka tidak terlibat dengan aktiviti-aktiviti berbentuk jenayah
- Kegagalan untuk melindungi kanak-kanak di bawah jagaan mereka daripada objek-objek berbahaya yang terdapat di dalam rumah termasuklah bermain air, api, atau peralatan elektrik
- Kegagalan untuk menjaga kebersihan rumah sehingga mendedahkan kanak-kanak di bawah jagaan mereka kepada bahaya apabila makan makanan yang telah tercemar

- Kegagalan untuk menyediakan pakaian yang bersih serta menjaga kebersihan diri kanak-kanak di bawah jagaan mereka
- Kegagalan untuk menyediakan makanan yang mencukupi dan berterusan kepada kanak-kanak di bawah jagaan mereka
- Menggunakan kanak-kanak di bawah jagaan mereka sebagai pengemis atau penjaja barang

### **3 Perkara-perkasa Asas yang Perlu Dilakukan oleh Ibu Bapa atau Penjaga Terhadap Kanak-kanak di Bawah Jagaan Mereka Sebelum Dibawa ke Tempat Awam**

- Jangan menakut-nakutkan anak-anak tentang peranan pihak berkuasa
- Anak-anak perlu diberitahu bahawa pihak berkuasa terutamanya polis akan membantu mereka jika berlakunya kecemasan atau kemalangan
- Anak-anak itu diberitahu ibu bapa tentang perancangan destinasi dan tujuan dengan tepat
- Ibu bapa atau penjaga digalakkan untuk memakaikan anak-anak dengan pakaian yang mudah untuk dilihat
- Biasakan anak-anak untuk membawa kad nama ibu bapa yang lengkap dengan nombor untuk dihubungi bagi menghadapi sebarang kemungkinan yang mungkin berlaku.
- Sentiasa mengingatkan anak-anak agar berjumpa terus dengan pihak berkuasa seperti pengawal keselamatan atau pihak polis jika terpisah daripada keluarga
- Ibu bapa atau penjaga perlu sentiasa membawa pengenalan anak-anak. Sebagai contoh, gambar terbaharu kanak-kanak berukuran pasport akan memudahkan dan mempercepat pihak berkuasa dan orang awam semasa berlakunya kejadian tersebut.

## **Ancaman Keselamatan Negara**

### **1 Ancaman Dalaman dan Kesan-kesan Ancaman Dalaman**

- Ancaman Dalaman
  - Penyeludupan dan penyalahgunaan dadah
  - Kumpulan militan atau puak ekstremis
  - Kegiatan jenayah
  - Kebanjiran pendatang asing
  - Kegiatan rasuah
  - Pemalsuan dokumen
  - Penyalahgunaan teknologi
- Kesan-kesan Ancaman Dalaman
  - Penyebaran pelbagai penyakit berbahaya
  - Merosakkan masa depan generasi muda
  - Peningkatan kadar jenayah
  - Menggugat keselamatan negara
  - Menjejaskan ekonomi negara

### **2 Ancaman Luaran dan Kesan-kesan Ancaman Luaran**

- Ancaman Luaran
  - Kegiatan lanun di perairan negara
  - Kekacauan politik
  - Pengaruh budaya barat
  - Masalah alam sekitar
  - Serangan mata wang
  - Serangan penyakit-penyakit kritikal
  - Jenayah siber
- Kesan-kesan Ancaman Luaran
  - Kejatuhan nilai ringgit yang menjejaskan ekonomi
  - Merosakkan akhlak dan moral remaja
  - Menyebabkan peningkatan suhu bumi
  - Mengancam nyawa manusia
  - Mendedahkan remaja pada kegiatan jenayah siber

### **2 Usaha-usaha untuk Memperkasakan Keselamatan Negara**

- Pihak berkuasa mengutamakan perpaduan dan integrasi perpaduan dalam setiap tindakan
- Meningkatkan semangat patriotisme dalam kalangan belia negara
- Meningkatkan lagi kemampuan ketenteraan dengan menarik minat lebih banyak remaja yang berkhalib untuk menyertai perkhidmatan ketenteraan
- Memperkasakan pasukan keselamatan negara dengan kelengkapan peralatan yang paling moden
- Membuat kerjasama yang erat dengan negara-negara jiran terutamanya negara-negara ASEAN bagi memastikan tiada

berlakunya perselisihan yang akan menggugat keamanan serantau

### **3 Cabaran-cabaran yang Dihadapi dalam Mengawal Keselamatan Negara**

- Kebanjiran warga asing yang terdiri daripada pekerja yang sah dan pendatang asing tanpa izin (PATI)
- Budaya asing yang dibawa masuk yang telah mengancam budaya tempatan
- Kewujudan golongan yang berfikiran sempit dan hanya mementingkan diri sendiri atau kaum sendiri tanpa melihat aspek kepentingan nasional
- Tuntutan melampau oleh kaum tertentu yang menimbulkan ketidakselesaan kaum-kaum lain
- Wujudnya gerakan pelampau seakan-akan pergerakan pengganas yang boleh menggugat keamanan negara
- Penyalahgunaan media massa dengan menyampaikan mesej yang berunsur antikeamanan
- Pengintipan oleh negara-negara luar dengan alasan memperjuangkan hak kebebasan asasi

## **Jenayah Siber**

### **1 Jenis-jenis Jenayah Siber :**

- Penipuan di Internet
- Kerosakan atau pengubahaui ke atas program atau data komputer
- Kecurian maklumat di Internet
- Capaian tidak sah ke atas sistem pengaturcaraan komputer
- Menyalin perisian secara tidak sah
- Pengintipan siber
- Judi siber
- Skim cepat kaya
- Penggodaman program
- Penyebaran virus
- Menyalurkan maklumat palsu di Internet

### **2 Punca-punca Jenayah Siber**

- Kesukaran untuk mengenal pasti penjenayah
- Kesukaran untuk mengenal pasti pihak yang menyerang sistem, mengapa, dan dari mana
- Kekurangan bukti untuk membolehkan penangkapan dibuat
- Adanya Rang Jaminan Kerajaan, iaitu jaminan tiada berlakunya penapisan Internet
- Kesukaran untuk menguatkuasakan undang-undang siber disebabkan perbezaan tarif jenayah siber bagi sesetengah negara
- Sikap masyarakat yang gelap mata hingga mudah tertipu oleh pelbagai jenis penipuan di Internet
- Dunia tanpa sempadan menjadikan sistem dan rangkaian maklumat terdedah kepada ancaman penjenayah siber

### **3 Langkah-langkah Mengatasi Jenayah Siber**

- Penerapan tentang bahaya jenayah siber sejak di bangku sekolah lagi
- Memberikan maklumat kepada masyarakat tentang jenayah siber dan cara-cara untuk mengelak daripada menjadi mangsa
- Melahirkan masyarakat yang celik teknologi maklumat
- Menubuhkan unit Pencegahan siber oleh pihak yang bertanggungjawab
- Meningkatkan kemampuan anggota penguatkuasaan keselamatan
- Meningkatkan kemahiran dalam bidang forensik komputer
- Melakukan pendakwaan ke atas penjenayah siber secara lebih berkesan
- Melakukan kajian yang lebih berkesan terhadap undang-undang sedia ada
- Hukuman yang lebih berkesan perlu dijalankan agar pelaku jenayah tidak berani untuk mengulangi perbuatan tersebut
- Menggunakan kapakaran penjenayah siber bagi membantu pihak berkuasa membanteras jenayah siber
- Pihak polis melalui unit mencegah jenayah perlu melakukan rondaan di Internet dengan lebih kerap
- Memerlukan kerjasama antara negara secara global untuk menghadapi serangan siber
- Menjalankan hubungan diplomatik yang baik dengan berkongsi maklumat tentang keselamatan komputer

## TEMA: PELANCONGAN

### Pelancongan Sebagai Sumber Pendapatan

#### 1 Meningkatkan Ekonomi Negara

- Membawa mata wang asing yang banyak ke Malaysia dan meningkatkan keluaran dalam negara kasar Malaysia
- Pelancong yang datang ke Malaysia akan membayar cukai yang dikenakan kerajaan dan caj semasa mereka menginap di hotel atau semasa membeli-belah

#### 2 Menambahkan Peluang Pekerjaan

- Sektor pelancongan seperti taman tema, hotel, restoran agensi pelancongan akan mengambil lebih ramai pekerja untuk memenuhi keperluan mereka
- Perkhidmatan rumah inap desa akan melibatkan peranan orang tempatan sebagai sukarelawan pelancongan
- Meningkatkan pendapatan masyarakat setempat dengan memberikan peluang pekerjaan dalam industri hilir seperti kraf tangan dan kedai-kedai makan

### Usaha-usaha untuk Memajukan Industri Pelancongan

#### 1 Langkah-langkah yang Perlu Dilakukan untuk Memajukan Industri Pelancongan

- Menambahkan kemudahan prasarana seperti kemudahan pengangkutan dan perhubungan ke destinasi-destinasi yang menarik
- Menambahkan jadual penerbangan terutamanya dengan mengadakan promosi tambang murah
- Memperbanyak tempat-tempat penginapan seperti hotel dan rumah inap desa di samping mengenakan kadar bayaran yang berpatutan berserta dengan bilik yang selesa untuk menarik minat pelancong
- Menggiatkan promosi melalui penggunaan teknologi maklumat seperti Internet untuk menyebarkan maklumat pelancongan
- Mementingkan aspek kebersihan di kawasan yang sering menjadi tumpuan pelancong
- Menganjurkan karnival pelancongan di seluruh pelosok dunia
- Mengetengahkan tempat-tempat menarik di negara ini di samping makanan dan kebudayaan masyarakat pelbagai kaum
- Mengadakan Kempen Tahun Melawat Malaysia dengan lebih berkesan dengan melibatkan penyertaan daripada pelbagai pihak
- Menyediakan pakej-pakej pelancongan yang kompetitif kepada masyarakat antarabangsa
- Pihak kerajaan memperkenalkan produk pelancongan baru yang dapat menarik minat pengunjung
- Menghapuskan atau mengurangkan cukai belian barang di negara ini bagi menarik minat pelancong datang membeli-belah di sini

#### 2 Halangan-halangan dalam Usaha Memajukan Industri Pelancongan

- persaingan dengan negara luar yang mempunyai pelbagai keistimewaan sebagai tarikan pelancong
- Keadaan negara yang tidak stabil dari segi politik
- Pencemaran alam sekitar
- Kebudayaan tempatan yang semakin dilupakan

### Tempat Pelancongan Idaman Anda

- Desa Cattle Dairy Farm yang terletak di Kundasang Ranau, Sabah
- Lokasi tempat ini adalah lebih kurang 6 kilometer dari Pekan Kundasang
- Dapat melihat cara untuk memberikan makanan kepada anak lembu dan kambing
- Dapat melihat proses pemerahan susu lembu
- Dapat membeli susu lembu segar dan makan makanan atau produk berasaskan susu lembu
- Dapat menikmati udara yang segar, nyaman dan sejuk
- Pemandangan kawasan sekitar yang sangat mempesonakan

## TEMA: ALAM SEKITAR

### Pembakaran Terbuka

#### 1 Punca-punca Pembakaran Terbuka

- Cuaca yang terlalu panas
- Masyarakat membakar sampah sarap secara terbuka

- Petani membakar sisa pertanian seperti batang padi dan jerami
- Pihak yang tidak bertanggungjawab membakar pokok-pokok tua di kawasan hutan dan di ladang
- Pekerja membakar sisa pepejal di kawasan tapak pelupusan sampah
- Pihak pemaju perumahan membakar bahan sisa binaan

#### 2 Kesan-kesan Pembakaran Terbuka

- Masalah pemanasan global
- Masalah jerebu
- Pencemaran udara semakin meningkat
- Pelbagai penyakit menular terutamanya yang ada kaitan dengan paru-paru dan sistem pernafasan
- Flora dan fauna musnah
- Industri pelancongan negara terjejas
- Sektor pertanian dan perikanan terjejas
- Aset-aset negara yang penting seperti bangunan pentadbiran kerajaan, hutan simpan, dan kawasan pelancongan mungkin terbakar
- Kejadian tanah runtuh, banjir kilat, dan hakisan berlaku
- Imej negara di persada antarabangsa terjejas

#### 3 Langkah-langkah Mengatasi Masalah Pembakaran Terbuka

- Mengharamkan kegiatan pembakaran sampah sarap di kawasan terbuka
- Menguatkusakan undang-undang yang berkaitan dengan pembakaran terbuka
- Melakukan pemantauan secara berterusan
- Menjalankan proses kitar semula bahan buangan
- Mengadakan kempen kesedaran tentang keburukan kegiatan pembakaran terbuka

### Banjir Kilat

#### 1 Punca-punca Banjir Kilat

- Hujan lebat yang berterusan
- Sistem perparitan kurang sempurna
- Perbuatan manusia membuang sampah sarap ke dalam longkang, parit, dan sungai
- Penerokaan hutan secara berleluasa
- Kegiatan pembalakan haram
- Aktiviti pembandaran yang pesat

#### 2 Kesan-kesan Banjir Kilat

- Manusia kehilangan harta benda
- Manusia kehilangan nyawa
- Tanaman seperti getah, koko, kelapa sawit, dan padi mati
- Penyakit berjangkit seperti taun dan malaria mudah merebak
- Kemudahan awam seperti jalan raya dan telefon awam rosak
- Pihak kerajaan mengalami kerugian

#### 2 Langkah-langkah Mengatasi Masalah Banjir Kilat

- Menaik taraf sistem perparitan
- Mengadakan kempen kesedaran tentang banjir kilat
- Menggubal akta untuk melestarikan hutan
- Menjalankan proses pendalamkan sungai
- Mengawal kegiatan pembalakan
- Menyiarkan iklan, dokumentari, dan rencana supaya masyarakat lebih mencintai alam sekitar
- Mendidik anak-anak agar tidak membuang sampah sarap ke dalam longkang, parit, dan sungai

### Hari Tanpa Beg Plastik

#### 1 Sejarah Kempen Hari Tanpa Beg Plastik

- Kempen Hari Tanpa Beg Plastik mula diperkenalkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi, dan Kepenggunaan (KPDNKK) pada 1 Januari 2011
- Pada awalnya, dipraktikkan pada setiap hari Sabtu sahaja
- Kini, dipraktikkan pada setiap hari
- Dimulakan di negeri Selangor dan diikuti oleh beberapa negeri lain

#### 2 Kaedah Pelaksanaan Kempen Hari Tanpa Beg Plastik

- Pengguna digalakkan membawa beg sendiri
- Beg plastik tidak disediakan untuk pengguna di kedai dan di pasar raya yang mengambil bahagian dalam kempen ini
- Pengguna yang tidak membawa beg sendiri dikenakan caj sebanyak RM0.20 sen bagi setiap beg plastik

### **3 Tujuan Kempen Hari Tanpa Beg Plastik**

- Menyedarkan masyarakat tentang kesan-kesan negatif penggunaan beg plastik
- Menyemaikan rasa cinta akan alam sekitar dalam kalangan masyarakat
- Menggalakkan masyarakat menggunakan beg kitar semula semasa membeli-belah
- Mengurangkan kuantiti sampah
- Mengurangkan masalah pencemaran alam sekitar

## **TEMA: PENDIDIKAN DAN BAHASA**

### **Bulan Bahasa Kebangsaan**

#### **1 Sejarah Program Bulan Bahasa Kebangsaan**

- Bermula dengan panggilan Minggu Bahasa Kebangsaan dan Bulan Bahasa Kebangsaan sepanjang dekad 60-an
- Melalui beberapa perubahan nama, iaitu:
- Gerakan Cintailah Bahasa Kita (GCBK) (1987-1996);
- Gerakan Bahasa Kebangsaan Sektor Swasta (GBKSS) (1996-2005);
- Minggu Sastera (1987-1998). Akhirnya pada tahun 1999; Bulan Bahasa dan Sastera Negara (BBSN) (1999);
- Bulan Bahasa Kebangsaan (BBK) (2009).
- Dianjurkan oleh pihak Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP)
- Disambut pada bulan Oktober setiap tahun mulai tahun 2018

#### **2 Tujuan Program Bulan Bahasa Kebangsaan**

- Mendidik masyarakat agar memartabatkan bahasa kebangsaan
- Memantapkan, memperkuuh, dan mempamerkan jati diri dan citra bangsa Malaysia
- Menguatkan rasa megah terhadap bahasa kebangsaan
- Mengeratkan dan memperkuuh hubungan perpaduan melalui bahasa kebangsaan
- Menyemarakkan peranan bahasa kebangsaan sebagai tonggak pembinaan negara bangsa

## **Pendidikan Aliran Kemahiran**

### **1 Sejarah Pendidikan Aliran Kemahiran**

- Dikenali juga sebagai Pendidikan Teknikal dan Kemahiran atau TVET Malaysia
- Mengiktiraf TVET sebagai teras ketiga dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11)
- Pihak kerajaan telah menubuhkan institusi pendidikan teknikal dan kemahiran seawal tahun 60-an lagi
- Bermula dengan hanya empat institusi TVET sekitar tahun 1960-an, kini sudah ada lebih 1,300 TVET Awam dan Swasta di seluruh negara

### **2 Jenis-jenis Aliran Kemahiran**

- Aliran teknik – murid akan mengambil peperiksaan SPM
- Aliran vokasional – murid akan mengambil Sijil Vokasional Malaysia (SVM) dan Diploma Vokasional Malaysia (DVM)
- Aliran latihan kemahiran – murid akan mengambil Sijil Kemahiran Malaysia

## **Tempat Pendidikan Aliran Kemahiran Peringkat Rendah**

- Sekolah Menengah Vokasional (Kolej Vokasional)
- Sekolah Menengah Teknik (SMT)

## **Tempat Pendidikan Aliran Kemahiran Peringkat Tinggi**

- Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)
- Jabatan Pertaulihan & Kemahiran Lanjutan (CIAST)
- Institut Latihan Perindustrian (ILP)
- Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC)
- Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN)
- Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN)
- Kolej Komuniti
- Politeknik
- Institut Kemahiran Mara (IKM)
- Giat Mara (GM)

### **Kepentingan Pendidikan Aliran Kemahiran**

- Memberikan peluang kepada murid yang lemah dalam bidang akademik untuk melanjutkan pelajaran pada peringkat yang lebih tinggi
- Mewujudkan sistem pendidikan dan latihan yang seiring dengan keperluan industri serta pasaran
- Melahirkan tenaga kerja yang mahir dan separa mahir
- Mengurangkan jumlah pekerja asing di negara ini
- Membantu pertumbuhan ekonomi negara

### **Kepentingan Bahasa Kebangsaan**

#### **1 Memupuk Perpaduan dalam Kalangan Masyarakat yang Berbilang Kaum di Malaysia**

- Masyarakat yang berbilang kaum berkomunikasi menggunakan satu bahasa
- Bahasa kebangsaan melambangkan jiwa bangsa Malaysia
- Bahasa kebangsaan yang satu dan seragam merupakan asas perpaduan

#### **2 Menyemarakkan Rasa Cinta akan Negara**

- Slogan “Malaysia Boleh” yang menggunakan bahasa kebangsaan berjaya membangkitkan semangat rakyat Malaysia untuk lebih mencintai negara
- Dalam bidang sukan, slogan “Malaysia Boleh” yang dilaung-laungkan dapat menyemarakkan kejayaan atlet
- Slogan tersebut dapat menyatupadukan rakyat juga apabila rakyat sama-sama menyokong atlet negara

#### **3 Menjadi Bahasa Ilmu dalam Bidang Pendidikan**

- Memungkinkan berlangsungnya pendemokrasian pendidikan
- Proses penyampaian ilmu kepada masyarakat bertambah mudah
- Sejumlah besar generasi muda mendapat peluang belajar dengan menggunakan bahasa kebangsaan sehingga peringkat menengah
- Murid memperoleh ilmu dan kemahiran asas tanpa kekangan taraf sosioekonomi dan pengasingan etnik

#### **4 Membentuk Komunikasi yang Berkesan**

- Melalui pertuturan menggunakan satu bahasa yang sama, rakyat yang berbilang kaum dapat memahami antara satu dengan yang lain
- Dapat mengelakkan perselisihan faham akibat tidak memahami maksud bahasa yang disampaikan
- Sikap saling menghormati dan toleransi akan dapat diwujudkan